

20/06/1999

Rumah TPM akan dibina

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebuah rumah untuk Timbalan Perdana Menteri akan dibina di Putrajaya pada masa depan.

Menurut Perdana Menteri, cadangan untuk membina rumah berkenaan yang ditolak oleh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pelan asal Putrajaya, akan dilaksanakan sekarang untuk kemudahan Timbalan Perdana Menteri.

"(Sebelum ini) Anwar tidak mahu rumah untuk Timbalan Perdana Menteri kerana apabila dia jadi perdana menteri, saya syak dia tidak mahu (ada) Timbalan Perdana Menteri. Jadi tidak perlu untuk membina rumah itu.

"Dia menjangka tidak akan tinggal di rumah Timbalan Perdana Menteri untuk tempoh yang panjang, jadi tidak ada gunanya membina rumah berkenaan. Malah dia menuntut supaya rumah itu (rumah perdana menteri) mempunyai kolam renang dan pelbagai kemudahan lain.

"Ya, jadi sekarang kita akan membina (rumah berkenaan) kerana sudah pasti ada Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana menteri mesti ada rumah di sana (Putrajaya)," katanya pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno ditangguhkan petang semalam.

Menjawab soalan, beliau berkata kos rumah Perdana Menteri di Putrajaya bernilai sekitar RM17 juta, manakala peruntukan lain adalah membabitkan bilik untuk kemudahan awam.

"Sama juga dengan rumah saya sekarang ini, saya duduk di loteng atas sekali, bawah adalah bilik awam untuk menerima tetamu, mengadakan majlis jamuan seperti sambutan hari raya. Orang hendak datang, takkan orang datang naik bilik saya.

"Jadi kita mempunyai bilik awam yang saya tidak guna melainkan apabila ada pelawat... saya sendiri tidak duduk di bawah," katanya.

Menurutnya, begitu juga rumah baru Perdana Menteri di Putrajaya. Ia mengandungi dewan, bilik tetamu khas untuk makan, menerima tetamu dan pelbagai kemudahan lain untuk kegunaan awam.

"(Tetapi) Awam bukanlah bermakna semua orang boleh masuk. Apabila ada majlis di situlah kita terima tetamu.

"Kalau ada keluarga saya datang, kita tidak guna bilik awam, mereka masuk ke dalam rumah saya," katanya.

Menurutnya, bangunan untuk kemudahan awam berkenaan yang dibina bergandingan dengan kediaman rasminya, bernilai kira-kira RM100 juta.

"Saya tidak tahu berapa jumlah sebenarnya, mungkin RM100 juta. Tetapi RM100 juta sekarang tidak dapat membeli banyak barang," katanya.

Beliau berkata, peruntukan itu diluluskan Anwar ketika menjadi Menteri Kewangan kerana beliau berharap dapat menetap di kediaman berkenaan.

"Kerana itu dia gembira meluluskannya kerana tidak ada siapa boleh membelanjakan wang tanpa kelulusan Menteri Kewangan. Malah, dia turut menolak cadangan kita membina istana hinggap untuk Yang di-Pertuan Agong di Putrajaya.

"Beliau mengatakan ia tidak perlu walaupun ia akan dibina melalui konsep pertukaran melalui penswastaan, tetapi dia berpendapat bahawa Agong tidak perlu mempunyai istana," katanya.

Beliau juga tidak mengetahui kos membabitkan pembinaan bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya, tetapi menegaskan ia adalah untuk kegunaan semua Perdana Menteri akan datang.

"Negara kita sudah mencapai kemajuan, jadi adalah penting kita mengadakan pejabat yang sesuai dengan sebuah negara merdeka dan agak

maju," katanya.

(END)